

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
(PENAMPANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28.03.2017**

**Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci berapa jumlah Cukai Goods and Services Tax (GST) yang telah dikutip setiap bulan daripada Sabah dan juga Sarawak sejak pelaksanaan cukai GST dan adakah GST ini telah membawa manfaat yang baik kepada masyarakat Sabah dan Sarawak keseluruhannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion. Manakala bagi tahun 2016, jumlah

hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM41.206 bilion. Memandangkan GST adalah cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, maka ia dikutip secara keseluruhannya tanpa mengambil kira lokasi pendaftaran perniagaan atau pendaftaran perlesenan dibuat dan lokasi perniagaan dijalankan di sesuatu negeri atau daerah. Dalam konteks ini, kutipan cukai GST di mana-mana negeri atau daerah tidak menggambarkan bahawa kutipan tersebut adalah berkaitan secara langsung dengan aktiviti ekonomi di tempat berkenaan. Di samping itu, hasil GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Walau bagaimanapun, berdasarkan pentadbiran aktiviti pengutipan GST yang dibuat mengikut lokasi pengimportan serta pembekalan barangan dan perkhidmatan, kutipan mengikut lokasi masih direkodkan di peringkat negeri-negeri. Dalam hubungan ini, jumlah kutipan bersih hasil GST di negeri Sabah bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM0.66 bilion dan RM1.10 bilion bagi tahun 2016. Manakala bagi negeri Sarawak, jumlah kutipan bersih hasil GST bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM0.86 bilion dan RM1.42 bilion bagi tahun 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua hasil cukai GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama-sama

dengan cukai langsung dan cukai tidak langsung selainnya yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Seterusnya kutipan cukai tersebut dikembalikan sebagai agihan peruntukan bagi tujuan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Ini termasuklah membiayai projek Lebuhraya Pan Borneo yang akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat Sabah dan Sarawak.

**SOALAN ( 15 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28 MAC 2017  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : YB. DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BARU ]**

**SOALAN :-**

**YB Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baru ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah kaedah yang diguna pakai oleh Kerajaan dalam menentukan harga siling rumah terutamanya kepada pemaju-pemaju perumahan bagi membolehkan rakyat mampu untuk membeli dan memiliki rumah.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Perumahan Negara Bil. 1/2016 pada 6 April 2016 telah bersetuju untuk menetapkan harga siling bagi Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh negara pada harga RM300,000.00 seunit. Penetapan ini dibuat setelah mengambil kira perbandingan dan penyelarasan harga siling RMM oleh setiap Kerajaan Negeri di dalam Dasar Perumahan Negeri masing-masing.

Perbandingan Harga Siling Rumah Mampu Milik (RMM) Mengikut Negeri seperti berikut : -

<b>NEGERI</b>	<b>JULAT HARGA RUMAH MAMPU MILIK</b>
Perlis	Maksimum RM42,000.00
Kedah	RM35,000.00 – RM200,000.00
P. Pinang	RM42,000.00 – RM400,000.00
Kelantan	RM45,000.00 – RM130,000.00
Terengganu	RM68,000.00

NEGERI	JULAT
	HARGA RUMAH MAMPU MILIK
Pahang	RM35,000.00 – RM200,000.00
Perak	RM42,000.00 – RM300,000.00
Selangor	RM42,000.00 – RM250,000.00
N. Sembilan	RM80,000.00 – RM400,000.00
Melaka	RM35,000.00 – RM180,000.00
Johor	RM42,000.00 – RM150,000.00
Sabah	RM65,000.00 – RM300,000.00
Sarawak	RM100,000.00 – RM168,000.00
WP K. Lumpur (RUMAWIP)	RM63,000.00 – RM300,000.00
WP Putrajaya (PPA1M)	RM90,000.00 – RM300,000.00
WP Labuan (RUMAWIP)	RM52,000.00 – RM300,000.00

**Nota : Kompilasi Maklumat Sehingga 21 November 2016**

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28 MAC 2017  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : YB. TUAN TEO KOK SEONG  
[ RASAH ]**

**SOALAN :-**

**YB. Tuan Teo Kok Seong, [ Rasah ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

- a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dan agensi pusat terhadap insiden sebuah rumah dihempap papan gergasi di Kampung Pelegong Labu yang terletak di tepi Lebuhraya Utara Selatan; dan
- b) bagaimanakah Kerajaan pusat dan agensi yang terlibat dapat memastikan perkara seperti di atas tidak akan berulang lagi.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insiden rumah yang dihempap papan iklan di Kampung Pelegong Labu tersebut, ianya adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini kerana setiap papan iklan yang hendak didirikan perlu mendapatkan kelulusan PBT dan dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Iklan masing-masing. Dalam kes ini, ianya di bawah kuasa dan tindakan Majlis Perbandaran Nilai (MPN), Negeri Sembilan. MPN memaklumkan perkara ini telah difailkan ke mahkamah di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172). Kes akan di bawa ke mahkamah pada 30 Mac 2017 terhadap Yayasan Negeri Sembilan yang menguruskan papan iklan luar di kawasan MPN.

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menyediakan Garis



Panduan Perancangan Papan Iklan Luar. Ianya bertujuan bagi memastikan pemasangan papan iklan di kawasan PBT **dikawal secara seragam dan selamat.** Pemakaian garis panduan tersebut telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Oktober 2008 dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-61 (MNKT Ke-61) pada 2 Disember 2008.

Pemasangan papan iklan luar hendaklah berdasarkan kepada 4 prinsip iaitu **keselamatan awam,** kualiti persekitaran, keselesaan awam dan kandungan iklan. Di bawah prinsip keselamatan awam, pemasangan papan iklan luar yang mendatangkan bahaya kepada orang awam dan harta benda dari risiko keruntuhan adalah tidak dibenarkan. Bahan struktur papan iklan luar juga hendaklah dipastikan tahan lama, tidak berkarat dan mampu menampung beban *wind load* yang ditentukan PBT atau pihak berkuasa jalan yang berkenaan.

Garis Panduan ini juga adalah merupakan dokumen sokongan kepada UUK Iklan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang

memperuntukan PBT mempunyai kuasa untuk mengatur, melesen, menyekat, melarang atau menghapuskan pameran iklan.

Pemakaian garis panduan tersebut telah dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT melalui Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 2 Tahun 2009 yang dikeluarkan pada 22 Januari 2009.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017